

## 1,000 kaum muda Yerusalem sertai *Via Crucis* perdamaian

**YERUSALEM:** Sekumpulan besar anak muda turun ke jalan-jalan Yerusalem untuk pertama kalinya sejak perang Israel-Hamas pada Oktober tahun lalu. Sekitar seribu kanak-kanak dan remaja dari sekolah-sekolah Kristian, berjalan di *Via Dolorosa* di Kota Tua sambil memanjatkan doa untuk perdamaian pada Februari 23.

Ribuan kaum muda ini kemudian mengadakan Jalan Salib yang dimulai dari Gereja Pencambukan dan berakhir di Gereja Sang Juruselamat Yerusalem.

Di setiap perhentian, setelah pembacaan Kitab Suci dan doa, dua orang kanak-kanak melepaskan sepasang burung merpati yang merupakan tanda nyata doa perdamaian dan kebebasan, dan doa dibaca oleh peserta termuda.

Kegiatan Jalan Salib ini adalah acara tahunan yang dimulakan oleh para paderi Penjaga Tanah Suci.

Pada tahun ini, dengan tema “Jalan Salib ... Jalan Damai” ia melibatkan 12 institusi, termasuk dua sekolah Gereja Anglikan dan sekolah Gereja Apostolik Armenia, serta pelbagai perkumpulan Katolik.

Fr Francesco Patton, penjaga Tanah Suci dan delegasi kerasulan ke Yerusalem, Fr Adolfo Tito Yllana, turut hadir.

“Setiap tahun, kami menganjurkan — dengan pelajar dari sekolah-sekolah Kristian,” kata Fr Ibrahim Faltas, yang juga adalah pengarah Sekolah *Terra Sancta*.

Pada tahun lalu, para pelajar memakai selendang merah — warna merah darah — dengan imej patung Yesus yang telah dirosakkan, yang telah dicemari di dalam premis kompleks Gereja *Flagellation*.

Pada tahun ini, selendang yang digunakan berwarna putih, iaitu warna perdamaian. Perkataan “*Da nobis pacem Domine*” (Beri kami kedamaian) membentuk tanda silang pada kain.

Pada kain itu juga ada gambar merpati yang memegang ranting zaitun di paruhnya iaitu simbol perdamaian.



Dua kanak-kanak memegang burung merpati kemudian dilepaskan beberapa saat kemudian, semasa Jalan Salib untuk pelajar sekolah Kristian di Yerusalem pada Februari 23, 2024. Lapan perhentian pertama berlangsung di sepanjang laluan tradisional *Via Dolorosa* dan di setiap perhentian, selepas pembacaan Kitab Suci dan doa, dua orang kanak-kanak melepaskan sepasang burung merpati, tanda simbolik yang boleh dilihat dari doa untuk keamanan dan kebebasan yang dibangkitkan oleh peserta yang lebih muda. Gambar: CNA

Fr Faltas menekankan pentingnya kebebasan beribadat lebih-lebih lagi ada laporan yang mengatakan pemerintah Israel mungkin membataskan akses ke masjid semasa bulan Ramadan.

“Yerusalem harus terbuka untuk semua orang. Seseorang individu tidak boleh dihalang untuk melaksanakan ibadatnya, pada usia berapa pun.

Setiap orang berhak beribadat di tempat ibadatnya. Jika pada masa Ramadan, masyarakat tidak dapat ke masjid, itu akan menjadi masalah besar,” ujarnya.

Perhentian Jalan Salib ke sembilan hingga 14 berlangsung di Gereja Sang Juruse-

lamat yang dijaga oleh para paderi Fransiskan.

Pada akhir ibadat Jalan Salib, para paderi penjaga Tanah Suci menyampaikan renungan singkat tentang karunia Yesus, yang memberikan hidup-Nya untuk seluruh umat manusia, termasuklah mereka yang telah menganiaya Dia.

“Mari kita memohon rahmat kepada-Nya untuk menjaga hati kita bebas daripada kebencian dan keinginan untuk membalas dendam terhadap mereka yang menyakiti kita. Marilah kita memohon rahmat agar semua tembok permusuhan dan kebencian dapat dirobohkan.

Mari kita berdoa kepada Yesus, yang menghulurkan tangan-Nya di antara langit dan bumi, untuk membantu kita hari ini dalam membina jambatan keamanan melalui komitmen kita terhadap keamanan dan perdamaian di Tanah Suci dan di seluruh dunia,” kata Fr Francesco Patton.

Setelah pembacaan “Doa Sederhana” Sto Fransiskus dari Assisi, Delegasi Apostolik ke Yerusalem, Fr Adolfo memberikan berkat terakhir dengan relik Salib Suci.

“Jalan Salib ini juga bertujuan untuk mendorong anak-anak kita agar tetap teguh dalam pengharapan,” ujar Custos Fransiskan kepada para media. — CNA

# “Anugerah kehidupan” selepas tragedi ngeri

Fr Ron Rolheiser, dalam keluaran Mac 3, 2024 menulis bahawa titik paling penting atau paling generatif dalam hidup kita bukanlah pada ketika kita masih muda, aktif, popular, cantik ... tetapi pada ketika kita menyerahkan nyawa kepada Tuhan seperti bunga yang mekarnya telah kering, layu, jatuh ke tanah dan menghasilkan benih baharu agar bunga lain dapat bertunas.

Kisah berikut merupakan cerita benar di mana pemergian orang yang dikasihi, meninggalkan kehidupan untuk mereka yang ditinggalkan:

Perkahwinan melambangkan bukan sahaja penyatuan dua individu di hadapan Tuhan, tetapi janji masa depan bersama.

Bagaimanapun, salah satu pasangan muda yang baharu berkahwin, tidak mempunyai masa depan yang panjang selepas kemalangan bermain ski air meragut nyawa pengantin lelaki, Nathaniel (Nate) Kuhlman, 23 tahun, pada hari pertama bulan madu mereka.

Tragedi yang sama sekali tidak dijangka oleh pengantin perempuan berusia 22 tahun, Mariana Kuhlman (Mari) berkongsi kisah sedih itu dengan *National Catholic Register*. Turut menemani Mari ialah ibu bapa mertuanya yang penyayang.

Tragedi itu bukan sahaja mengejutkan tetapi juga memberi inspirasi. Ia menyatakan kuasa iman yang membantu dan menyembuhkan detik-detik yang paling gelap.

Pasangan itu bertemu di Universiti Fransiskan di Steubenville, Ohio, pada Oktober 2021 dan dua tahun kemudian, pada Oktober 28 2023, mereka telah melangsung-

kan perkahwinan.

Perkahwinan itu berjalan dalam suasana doa, indah dan menyeronokkan.

Melalui video perkahwinan mereka, dapat dilihat, pengantin wanita dan lelaki saling berdoa sebelum majlis bersama pengapit dan rakan-rakan mereka.

Tiga hari kemudin, Nathaniel meninggal dunia akibat lemas di Pulau St Lucia apabila pemain ski air itu terjatuh dan pingsan.

Ketika itu, si isteri hanya dapat melihat dari pantai.

Semasa paramedik cuba memulihkannya selama sejam, Nathaniel tidak bertindak balas.

Ahli keluarga datang ke pulau itu untuk berada di sisi Mariana, berdoa untuk kebangkitan yang serupa dengan Lazarus.

Walaupun doa mereka tidak dikabulkan, keluarga Mariana dan Nathaniel tetap berpegang teguh pada iman mereka.

Mariana, seorang profesional pemasaran mengatakan: *Saya tidak pernah marah kepada Tuhan sepanjang masa. Nathaniel kini*

*berada di tempat yang dia inginkan dari dahulu. Memang saya tidak pernah terfikir secepat itu saya kehilangan dia.*

Mariana seterusnya menceritakan bahawa semasa berdoa Doa Lazarus, dia pernah berfikir dalam renungannya: *Bagaimana jika Tuhan menjawab saya dengan cara lain, dengan kehamilan?*


Nah, pada Hari Kesyukuran, kurang sebulan selepas perkahwinan mereka, ujian kehamilan mendedahkan doa Mariana telah dijawab, kedatangan orang baharu yang disifatkan sebagai “hadiah kehidupan”.

*Saya sangat gembira kerana Tuhan akan memberikan kita anugerah kehidupan baharu ini. Saya berharap Nathaniel ada di sini bersama saya, tetapi ini tetap kegembiraan yang luar biasa. Saya dapat merasakan bahawa dia juga gembira. Dia sudah tahu, tetapi saya baru tahu.*

Ibu muda itu berkongsi berita gembira itu di Instagram. Dan keterujaannya dinyatakan dalam kata-kata berikut: *Jelas sekali, Tuhan mempunyai rancangan yang lebih besar daripada apa yang kita boleh bayangkan.*

*Tuhan menjawab doa kami dan doa mereka di seluruh dunia dengan cara yang berbeza daripada yang kami jangkakan. Dia berikan HADIAH HIDUP; keajaiban yang membuatkan kami sangat gembira dan saya kongsi dengan anda semua.*

Pada bulan Disember imbasan



Mendiang Nathaniel (Nate) Kuhlman dan Mari pada hari perkahwinan mereka pada Oktober 28, 2023.

bayi menyatakan keajaiban kecil itu membesar sihat. Mariana telah berpindah untuk tinggal bersama mertuanya, Heather dan Gordon.

Kehadiran Mariana dan bayi yang belum lahir itu, membantu Heather dan Gordon dalam kesedihan mereka.

“Dengan Mari tinggal bersama kami, ia adalah satu hadiah dan membolehkan saya melihat sesuatu secara berbeza, melihat sesuatu dengan lebih manis,” kata Gordon.

Semasa Nathaniel meninggal dunia, peluang untuk menjadi datuk telah hilang. Tetapi kini, anugerah ini sangat mengharukan dan menyembuhkan,” luah Gordon.

Bagi Heather, dia mendapat kegembiraan dan ketenangan kerana kini memperoleh seorang anak perempuan: *Atas berkat anak lelaki saya yang menyayangi dia, maka saya mendapat anak perempuan yang cantik ini. Saya sangat bersyukur untuk cinta itu: mendapat anak perempuan yang tidak*

*pernah saya miliki.*

Dalam ucapan eulogi Heather yang mengharukan semasa majlis pengebumian anaknya pada November 18, di Gereja Katolik St Ignatius of Antioch di Tarpon Springs, Florida, dia mengatakan: *Tidak dinafikan kesakitan mahupun air mata. Ia datang sesuka hati, sama ada bersedia atau tidak. Tetapi Tuhan juga telah hadir dalam banyak cara.*

*Kami telah merasakan kehadiran, berkat dan rahmat-Nya melalui orang-orang seperti anda ... jadi saya mempersembahkan kepada Tuhan semua tenaga dan masa saya untuk-Nya agar anda juga dapat mengalami kegembiraan Tuhan ... melalui persembahan saya kepada Tuhan.*

Semoga keluarga Kuhlman akan terus memberi inspirasi kepada orang ramai dengan iman mereka yang teguh dan ucapan selamat untuk Nathaniel dan Mariana, bagi kehidupan baharu mereka yang akan lahir! — *Aleteia*

## Iman berkembang seperti Nikodemus

Dalam hidup beragama, mengenal dan sungguh percaya kepada Tuhan bukan hanya bertujuan untuk sekadar mengetahui atau menambah pengetahuan tentang Tuhan melainkan juga harus mahu membuat diri kita lebih rendah hati, untuk menangkap, memahami dan melaksanakan kehendak atau perintah Tuhan.

Dalam bahagian Injil yang mendahului petikan Injil yang kita dengar hari ini (ay.14-31) Yesus berkata kepada Nikodemus: “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan kembali, ia tidak dapat melihat Kerajaan Tuhan” (ay.3).

Nikodemus orang yang sudah tua, sangat terpelajar, anggota Sanhedrin, meskipun mengetahui adanya Yesus tetapi beliau tidak begitu mengenal Dia.

Agar tidak dicurigai orang-orang, maka pada malam hari, Nikodemus mengunjungi Yesus. Dia ingin mengenal Yesus. Tetapi Yesus mengatakan kepadanya: “Kamu harus dilahirkan kembali” (ay.7).

Bagi membantu Nikodemus mengenal diri-Nya dengan baik, Yesus menggunakan ceritera Perjanjian Lama tentang umat Israel di padang pasir, yang menghadapi bahaya ular-ular tedung, yang gigitanya mematikan orang (Bil 21:4-9).

Kerana itu Musa membuat ular dari tembaga sebagai tanda dan menggantungnya di atas tiang.

Bila ada orang dipatuk ular, tetapi melihat kepada ular tembaga itu, maka orang itu tetap hidup.

Yesus juga tergantung di tiang salib. Maka setiap orang yang menderita berat iaitu berdosa, tetapi memandang kepada Yesus di salib akan diselamatkan kita.

Apakah pesan atau ajaran, yang disampaikan kepada kita dalam perbualan antara Nikodemus dan Yesus?

Dalam diri Nikodemus itu, kita semua, terutama siapapun yang merasa dirinya sebagai orang hebat, pandai, terpelajar, berjasa, berkedudukan tinggi, kaya, terkenal dan sebagainya, bahkan di bidang keagamaan — semua ini

mencerminkan keadaan batin seperti Nikodemus!

Bagaimana Nikodemus memahaminya perumpamaan yang disampaikan Yesus bahawa dia harus dilahirkan kembali, jikalau dia mahu memasuki Kerajaan Tuhan yang diwartakan Yesus?

Nikodemus berasal sudah tua, telah sangat berpengalaman dan tinggi pelajaran agama serta anggota Sanhedrin. Bagaimana harus dilahirkan kembali?

Apa yang dimaksudkan kelahiran kembali ini ialah kelahiran kembali rohani.

Bukanlah kesukaran Nikodemus ini juga merupakan kesukaran kita, terutama yang merasa berkedudukan tinggi, yang merasa tahu banyak?

Dapatkah kita mengenal Yesus dengan baik? Atau adakah kita hanya mengetahui banyak ilmu agama tentang Yesus, menghafal seluruh Kitab Suci, memiliki ilmu teologi yang sangat bermutu dan ilmiah.

Adakah kita Yesus seutuhnya? Apakah Dia dekat dengan kita?

### HARI MINGGU PRA-PASKAH IV (TAHUN B)

2 TAWARIKH 36:14-16.19-23;

EFESUS 2:4-10;

INIJIL YOH 3:14-21

Apakah kita ini hanya seseorang yang memang secara rasmi sudah dibaptis?

Bagaimana sikap Nikodemus selanjutnya? Sesudah mendengarkan keterangan Yesus dalam percakapannya pada malam itu, selanjutnya dia dapat melihat dan mengalami sendiri apa yang dilakukan Yesus sehari-hari.

Lebih-lebih lagi ketika dia meyakini sendiri apa yang diderita dan dialami Yesus, barulah dia sungguh mengenal Yesus.

Sebab kemudian dalam suatu perdebatan di kalangan orang-orang Farisi dan ketua-ketua imam yang menyerang Yesus, Nikodemus mempertahankan Dia (Yoh 7:51).

Dan ketika Yesus mati di salib, untuk upacara pemakaman-Nya Nikodemus “membawa campuran minyak mur dengan minyak gaharu, kira-kira lima puluh kati beratnya” (Yoh 19:39).

Inilah teladan proses iman yang berkembang dan menjadi dewasa. Sekadar mengetahui tentang Yesus memang lain daripada sungguh-sungguh mengenal Yesus.

Seperti Nikodemus, marilah kita makin mengenal dan makin erat bergaul dengan Tuhan dalam diri Yesus Kristus. Bukan hanya mengetahui sesuatu tentang Yesus, melainkan mengenal Dia, makin dekat dan bersatu dengan Dia! — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman katolik*

# Harmoni MADANI pupuk toleransi antara agama



KUANTAN: Program Harmoni MADANI peringkat negeri Pahang yang julung kali diadakan bertepatan dengan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia (WIHW) 2024, menandakan satu langkah penting ke arah memupuk persefahaman serta saling menghormati antara budaya dan agama yang berbeza.

Inisiatif yang diadakan pada Februari 18 lalu diketuai oleh Puan Amirah binti Abdullah, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) jabatan negeri Pahang. Ia bertujuan bagi menggalakkan perpaduan dalam kepelbagaian untuk memupuk budaya ke-

manan dan kebebasan beragama.

Sekumpulan 40 peserta yang terdiri daripada pelbagai pemimpin kerohanian, tokoh organisasi, penguambela, pegawai penguatkuasa undang-undang, dan kakitangan JPNIN, bersama-sama menaiki bas untuk melawat pelbagai rumah ibadat di Kuantan.

Bermula pada 8.30 pagi dan berakhir pada 2.30 petang, jadual perjalanan itu termasuk lawatan ke Masjid Negeri Pahang, Kuil Hindu Sri Murugan, Kuil Sikh Gurdwara Sahib, Gereja Katolik St Thomas, dan Persatuan Buddha, di mana para pelawat

diberikan taklimat singkat tentang sejarah dan kepentingan rumah-rumah ibadat tersebut.

Kemuncak lawatan itu ialah di Pusat Persatuan Buddha Pahang di Kuantan, di mana ucapan penutup WIHW telah disampaikan oleh YB Leong Yu Man, ahli EXCO Perpaduan, Pelancongan, dan Kebudayaan Pahang, dan YB Chan Chun Kuang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu

Kedua-dua mereka memuji usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri serta memuji semangat kerjasama para pelawat daripada pelbagai

agama dan organisasi.

YB Leong menyatakan keyakinan bahawa lawatan ini akan memupuk keharmonian, perpaduan dan persefahaman dalam masyarakat, menekankan kepentingan saling menghormati di kalangan masyarakat etnik dan agama Malaysia untuk sebuah negara yang aman dan bersatu.

Sebagai tanda penghargaan, sijil, cenderahati dan hadiah telah disampaikan kepada tetamu. Selepas itu, kira-kira 200 individu berkumpul di Pusat Persatuan Buddha Pahang untuk meraikan *Yee Sang* dan makan tengah hari perayaan Tahun Baru Cina.

## Sukarelawan pelbagai paroki sertai progam jangkau

KUALA LUMPUR: Menerima bahawa setiap kita adalah berkat kepada orang lain dan bahawa kita telah semua adalah umat Tuhan yang disayangi, merupakan fokus Pra-Paskah Pelayanan Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Program pertama Komiti itu ialah program jangkauan yang bertema "Gereja Meraikan Persaudaraan Manusia", telah diadakan pada Februari 16 di Tunas Harapan, Kuala Kubu Baru, sebuah pusat untuk 64 kanak-kanak dari agama berbeza dan menjangkau 20 keluarga yang memerlukan bantuan.

Para sukarelawan berkumpul di Gereja *Our Lady of Fatima*, dan memulakan aktiviti dengan doa. Selepas sarapan pagi, mereka memulakan perjalanan dan membawa bantuan makanan seperti beras, minyak, tepung, biskut dan telur.

Setibanya di pusat Tunas Harapan, para sukarelawan disambut oleh para penghuni



kanak-kanak yang ceria.

Sempena cuti sekolah, ada di antara penghuni itu yang menziarahi ibu bapa mereka yang bekerja di ladang atau sanak saudara.

Encik dan Puan Vijay, penjaga pusat kendalian kerajaan berusia 35 tahun itu, telah berkhidmat di pusat tersebut selama sembilan tahun. Sukarelawan dan kakitangan pusat Tunas

Harapan berkumpul sambil menikmati hidangan ringan yang ditempah untuk semua kanak-kanak.

Sungguh mengharukan apabila melihat sebuah keluarga yang menerima bantuan, berusaha memuatkan semua barangan itu di atas motosikal bersama anak kecilnya.

Melina, seorang sukarelawan, berkata, "Saya merasa terharu dan tersentuh dengan kemurahan hati rakan-rakan sukarelawan yang peduli terhadap suara orang miskin.

Saya gembira dapat bertemu dengan sukarelawan dari paroki yang berbeza yang menghulurkan bantuan, termasuk seorang budak lelaki berusia 14 tahun.

Ketika kami tiba di pusat ini, semua kanak-kanak iaitu penghuni pusat ini begitu ceria bertemu kami dan ringan tulang membantu barangan bantuan yang kami bawa. Sesungguhnya perjalanan sejauh 66km ini sangat berharga dan berbaloi!" kata Melina.

### Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Melawat rumah berhantu!

**Soalan:** Adakah salah mengunjungi 'rumah berhantu' yang biasanya terdapat pada fun fair atau program melawat 'rumah berhantu' yang dikendalikan oleh pusat-pusat rekreasi? — Cik Ingin Tahu.

**Jawaban:** Mengunjungi rumah berhantu adalah satu bentuk hiburan yang popular bagi ramai orang, lebih-lebih lagi bagi yang mereka yang mahu mengalami pertemuan dengan 'hantu' atau sekadar suka-suka.

Walaupun rumah berhantu ini didirikan oleh pelbagai kumpulan manusia dan secara amnya bersifat "tidak berbahaya", tetapi ada beberapa hal yang wujud, yang di luar kendalian manusia.

Sebuah rumah boleh menjadi "berhantu", walaupun ia tidak didiami oleh hantu seperti yang biasa kita bayangkan.

Selalunya apabila seseorang menyangka rumahnya berhantu, maka ada kemungkinan wujud roh syaitan. Ini biasanya berlaku apabila seseorang menjemput syaitan ke dalam hidup mereka melalui pelbagai cara seperti bermain *Ouija* atau *Spirit of the coin*.

Taktik biasa syaitan adalah untuk mencuba dan mempengaruhi kita melalui ketakutan. Syaitan sentiasa cuba agar kita menjadi takut dan menjauhkan diri daripada Tuhan.

Walaupun syaitan tidak mempunyai tubuh fizikal, mereka boleh mempengaruhi dunia material, malah menggerakkan objek di sekeliling bilik.

Jika seseorang melihat perkara-perkara seperti objek digerakkan bukan secara semulajadi dan menimbulkan ketakutan atau kebimbangan, Sto Ignatius dari Loyola menyatakan ini kemungkinan helah makhluk rohani yang jahat.

Loyola menulis, "Jika pemikiran kita terganggu sehingga mengakibatkan ketidaktertaman dan ketakutan sehingga mengganggu jiwa dan kerja-kerja harian kita, maka ia adalah tanda jelas ia berasal dari roh jahat, musuh damai dan keselamatan kekal."

Adalah penting untuk kita mengingati bahawa roh syaitan tidak memaksa diri mereka untuk masuk ke dalam hidup kita. Rumah menjadi berhantu kerana pintu rohani yang lemah di mana kuasa jahat mudah memasuki dan mempengaruhi kita dengan cara yang negatif.

Oleh itu, penting bagi kita untuk mempunyai budaya berdoa, menghadiri Misa dan mengaku dosa secara tetap kerana syaitan tidak dapat menyentuh kita apabila kita bersatu rapat dengan Kristus.

Jika anda mendapati bahawa rumah anda mungkin berhantu, perkara terbaik untuk dilakukan ialah menghubungi paderi paroki tempatan anda. Dia boleh datang ke rumah anda dan memberkatinya, menghalau roh jahat yang mungkin tinggal di sana.

Selalunya berkat seorang paderi akan mengusir kuasa jahat tetapi adakalanya paderi pengusir syaitan yang dilantik oleh Uskup, perlu dipanggil untuk menangani gangguan syaitan di rumah.

Sebelum anda menyertai program-program

'berhantu' seperti melawat rumah berhantu atau kawasan berhantu, anda perlu mengetahui bahawa walaupun aktiviti bertemakan hantu mungkin kelihatan tidak berbahaya pada mulanya, tetapi bahaya rohani akan terjadi apabila ia membawa ketakutan dalam kehidupan seseorang dan bukannya di tangan Tuhan yang penyayang.

**Bolehkan bukan Katolik memanggil paderi untuk memberkati rumah yang mungkin berhantu?**

Ya, orang bukan Katolik sudah tentu boleh memanggil paderi Katolik dan meminta pemberkatan rumah.

Anda hanya perlu menghubungi paroki yang berdekatan dengan tempat tinggal anda. Jelaskan kepada paderi bahawa keluarga anda bukan Katolik tetapi ingin rumah anda diberkati untuk ketenangan fikiran.

Meminta paderi memberkati rumah bukan Katolik bukanlah permintaan yang luar biasa atau pelik. Paderi itu akan memberi anda butiran tentang proses pemberkatan dan persiapan yang perlu.

Izinkan saya menekankan perkara yang sangat penting ini — jika anda rasa anda ada kejadian aneh di rumah, JANGAN cuba berkomunikasi atau menyingkirkannya. Tindakan yang tepat ialah meminta bantuan paderi.

Paderi Katolik mempunyai kuasa untuk memberkati dan mengusir yang tidak dimiliki oleh denominasi lain! — *Aletheia*

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik, Apa khabar? Nampaknya cuti sekolah sudah berakhir dan adik-adik akan kembali ke sekolah untuk ke tahap yang seterusnya. Bacaan Injil pada hari Minggu ini menyatakan Yesus membincangkan sesuatu dengan Nikodemus.


Nikodemus merupakan seorang yang lahir dalam kaum fanatik dan menganggap Yesus sebagai lawan dalam pegangan agamanya. Namun, apa yang menarik tentang Nikodemus ialah dia merendahkan diri untuk berjumpa dengan Yesus. Meskipun pada akhir pertemuan

itu, Nikodemus tetap tidak memahami apa yang dikatakan oleh Yesus tetapi ia adalah permulaan Nikodemus untuk mengenal Kristus dan percaya. Antie yakin, selepas pertemuan itu, Roh Kudus membimbing Nikodemus untuk melihat kebenaran dan

memahami siapa Sang Terang. Adik-adik, marilah perbaiki hubungan kita dengan Tuhan pada masa Pra-Paskah ini dengan tekun berdoa, bersedekah, berpuasa dan berpantang. Salam Sayang Antie Melly

**Cari benda tersembunyi:**  
sikat, sampul surat, cawan, paku tekan, segi tiga, sudu, boomerang, pretzel, telur Paskah dan sekeping roti.


Warnakan gambar di bawah mengikut nombor:  
1. Merah 2. Biru gelap 3. Biru muda 4. Oren 5. Hijau gelap 6. Kelabu 7. Coklat 8. Kuning 9. Coklat terang 10. Kelabu gelap 11. Ungu 12. Hijau muda 13. Biru lembut.



ADA RAMAI ADIK-ADIK YANG MEMINTA ANTIE MENYEDIAKAN PERMAINAN SUSUN GAMBAR. OLEH ITU, ANTIE MENYEDIAKAN DUA SUSUN GAMBAR YANG MENCERITAKAN DUA PERISTIWA DALAM INJIL. LEKATKAN GAMBAR DI BAWAH PADA KERTAS MANILA KAD, KEMUDIAN GUNTING MENGIKUT GARISAN MERAH, UNTUK BERMAIN: CAMPUR ADUKKAN CEBISAN GAMBAR DAN SUSUN SEMULA DENGAN RAKAN-RAKAN.



Kisah Orang Samaria yang Baik (Luk 10:25-29)



Yesus menyembuhkan pesakit kusta (Luk. 5:12-16)



# BELIA MILENIUM

## Menghadapi budaya anti-agama dengan iman, kasih

**ANAHEIM, California:** 6,500 orang muda memasuki Pusat Konvensyen Anaheim baru-baru ini untuk memulakan Kongres Hari Belia Pendidikan Agama Los Angeles ke-68.

Memakai pelbagai jenis warna kemeja-T tetapi meskipun warna baju berbeza, mereka semua mempunyai semangat yang sama iaitu mahu menimba ilmu, saling menyokong dan menjalin semangat persaudaraan dalam menghadapi budaya yang suka memalukan, mengejek atau mengkritik kepercayaan Katolik mereka.

Michael Marchand, salah seorang penyampai sesi, mengendalikankan bengkel bertajuk "Awkward: Apabila Mengikuti Tuhan Menjadi Tidak Selesa," menekankan golongan muda perlu terlebih dahulu menerima dan menyayangi peribadi sendiri, memantapkan iman dalam menghadapi budaya *like, follow* dan *validation* media sosial.

"Perkara nombor satu yang selalu kami dengar daripada orang muda ialah pergelutan mereka untuk berasa disayangi dan dihendaki," kata Marchand.

"Dalam kongres ini, kami para penceramah dan penganjur ingin

mengatakan sesuatu pada anda: Biar tidak ada satu pun tidak melekat pada minda anda sepanjang kongres ini, ingatlah bahawa anda adalah kesayangan Tuhan. Anda sangat disayangi!"

Gabriel Canonoy, 20, katekis pembimbing bagi pelajar Penguatan Gereja St Christopher di Moreno Valley menceritakan pergelutan yang dilalui oleh kaum di parokinya.

"Perjuangan yang dihadapi remaja sekarang ialah menerima agama mereka kerana di luar sana, ada yang mengatakan agama itu tidak bagus.

Malah wujud media atau budaya pop yang sangat anti-agama sedang berleluasa.

Kongres ini memperlihatkan ramai belia bahawa ramai kaum muda yang sebenarnya tidak malu dan berani menyebarkan Injil Tuhan tetapi mereka memerlukan insentif atau dorongan daripada komuniti.

Chris Padgett berkongsi dalam sesinya bahawa golongan muda harus membenarkan Tuhan untuk menolong mereka dalam masa yang sukar.

"Bagaimana? Anda hanya perlu membiarkan Yesus menyentuh luka-luka ini," katanya.

"Perkara yang menghalang kita ialah rasa ragu. Tetapi ingat ini: Tiada apa yang boleh membuatkan Yesus berhenti daripada mencintai anda."

Hannah Artehea, 16, adalah salah



Para peserta Kongres Hari Belia Pendidikan Agama disedarkan bahawa tidak ada perkara yang dapat menghalang Tuhan daripada mencintai mereka.

seorang peserta kongres mengatakan, "Tuhan mencipta kita dan mencintai kita. Tidak perlu mengambil berat tentang apa yang orang lain fikirkan tentang kita," kata Hannah.

Brian Barragan, 16, berkata dia sering diejek rakan-rakannya kerana berdoa sebelum makan, tetapi setelah menghadiri kongres itu, berasa semakin diteguhkan dan akan terus meneruskan tabiatnya untuk berdoa di tempat umum misalnya berdoa sebe-

lum makan. "Kadang-kadang sebagai pelajar saya berasa sendirian kerana kebanyakan rakan sebaya saya tidak ambil berat tentang agama. Tetapi kongres ini memberikan saya inspirasi dan kesegaran iman untuk meneruskan iman saya," ujar Brian.

Turut hadir ke kongres itu ialah Uskup Auksilier Matthew G. Elshoff yang datang untuk berbual, memberikan berkat serta memberi kata-kata semangat kepada kaum muda. — OSV News



### Bengkel latihan emcee untuk kaum muda

KUCHING: Pelayanan *Empowered* (Pelayanan Belia Paroki St Joseph) dan Komisi Belia Keuskupan Agung Kuching (KAYC) telah menganjurkan Bengkel *Emcee* di Pusat Pastoral Katedral dan Kuria Keuskupan Agung (ACCPC) baru-baru ini selama dua hari.

Ia merupakan bengkel juruacara pertama yang dianjurkan oleh *Empowered* dan KAYC.

Bengkel ini menampilkan Timothy Marimuthu, juruacara berpengalaman dengan lebih 15 tahun pengalaman, menjadi juruacara untuk majlis-majlis Gereja, sosial, korporat dan kerajaan.

Portfolio Timothy termasuk

menjadi pengacara acara terkemuka seperti *What About Kuching* (WAK) 2022, *Rabies International Borneo Conference 2022*, dan *ASEAN Food Conference 2023*.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk membiasakan peserta dengan peranan, tanggungjawab dan kemahiran penting seorang juruacara yang berkesan, yang disesuaikan khusus untuk perhimpunan dan acara-acara Kristian. Lapan peserta dari pelbagai paroki terlibat dalam latihan praktikal misalnya majlis makan malam Gereja hingga ke majlis perkahwinan. — *Today's Catholic*

## Kardinal ajak novena sembilan bulan

WISCONSIN: Seorang kardinal dari Amerika menjemput umat Katolik untuk menyertai doa novena sembilan bulan memohon syafaat kepada Bunda Maria bermula Mac 12 sehingga hari perayaan Maria dari Guadalupe pada Disember 12.

Kardinal Raymond Burke yang mengasaskan *Shrine of Our Lady of Guadalupe* di Wisconsin, mengumumkan inisiatif doa itu dalam ucapan video yang disiarkan pada Februari 25.

“Tuhan kami tidak menyeru kita untuk takut. Tidak kira usia kita, latar belakang dan status sosial kita, lelaki dan wanita beriman sentiasa dalam jagaan kasih dan setia bonda Kristus,” tulis Kardinal Burke dalam surat yang disiarkan dalam laman sesawang *shrine* Guadalupe.

“Kegelapan dosa kelihatan begitu besar. Tetapi Tuhan kita tidak memanggil kita untuk takut! Kejahatan tidak dapat mengalahkan kuasa rahmat Tuhan.

“Dosa tidak dapat menghalang belas kasihan dan penyembuhan Tuhan untuk sampai kepada mereka yang bertaubat serta mencari-Nya. Dan tiada apa yang boleh menghalang dan mengurangkan penjagaan serta perlindungan Bonda Maria untuk kita, dari dahulu sehingga sekarang,” kata Kardinal Burke.

Novena, merupakan devosi amalan Katolik tradisional yang biasanya terdiri daripada siri doa permohonan selama sembilan hari atau boleh juga didoakan lebih sembilan hari.

Mereka yang mendaftar untuk menyer-



Dunia bergelut dengan pelbagai masalah maka umat Kristian amat digalakkan untuk berdevosi kepada Bunda Maria.

tai Novena anjuran Kardinal Burke akan menerima video renungan singkat dan doa melalui e-mail.

“Dunia bergelut dengan kebuluran, penyakit dan peperangan di Tanah Suci. Begitu juga dengan pelbagai ‘racun’ dari dalam Gereja yang menghakis iman orang Kristian di seluruh dunia.”

“Tetapi melalui penampakan Bonda Maria di Guadalupe, ia membuktikan perlindungan Santa Perawan Maria terhadap

kuasa kejahatan.”

Melalui kerjasama Sto Juan Diego, lelaki orang asli yang melihat penampakan Bonda Maria di Guadalupe, telah menarik hampir sembilan juta orang dibaptis, pada masa kematian So Juan pada tahun 1548.

Penjagaan dan perlindungan Bonda Maria, kekal sama dan tidak berubah sehingga ke hari ini. Dia terus meneruskan menawarkan penjagaan dan perlindungan kepada kita!” kata Kardinal Burke. — *CNA*

## Renungan virtual bersama pengkhotbah kepausan


ROMA: Seorang kardinal yang penyampai homili untuk Sri Paus dan para pegawai Kuria Roma, kini menyampaikan pesan Injilnya kepada umat melalui media sosial sepanjang Pra-Paskah.

Vatikan menerbitkan refleksi spiritual singkat — berdurasi sekitar dua minit — oleh Kardinal Raniero Cantalamessa, seorang pengkhotbah kepausan, melalui saluran media sosial X, Facebook, Instagram dan WhatsApp.

Menurut media Vatikan, refleksi virtual kardinal tersebut bermatlamat mengajak umat “berdoa bersama Sri Paus dan para anggota Kuria” pada masa Pra-Paskah.

“Di dunia terdapat beberapa perkataan yang mampu diucapkan dalam satu minit dan mampu mengisi satu hari iaitu perkataan yang keluar dari mulut Yesus,” kata Kardinal Cantalamessa dalam salah satu video renungannya.

Kardinal itu berharap, video renungan singkat itu dapat menjadi seperti “gula-gula getah” rohani oleh audiensi Kristian. — *media Vatikan*



Kardinal Raniero Cantalamessa.

## Pemimpin Gereja harus bersatu hentikan peperangan

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menggesa para uskup Gereja Katolik Armenia untuk “menyentuh seruan keamanan” di tengah-tengah ancaman konflik dan penganiayaan agama yang berterusan di rantau itu.

Seruan itu disuarakan oleh Sri Paus semasa pertemuan dengan para uskup Gereja Katolik Armenia pada Februari 28 di Vatikan.

Armenia dan Azerbaijan terlibat dalam rundingan damai berikutan pengambilalihan ganas Azerbaijan di wilayah Nagorno-Karabakh akhir tahun lalu. Wilayah ini telah menjadi titik perbalahan selama bertahun-tahun sejak pembubaran Kesatuan Soviet.

Kebanyakan etnik Armenia di rantau Nagorno-Karabakh telah meninggalkan tanah air mereka berikutan pengambilalihan

Azerbaijan.

Pemimpin hak asasi manusia tahun lalu memberi amaran tentang kemungkinan “pembersihan agama atau genosida” orang Kristian Armenia pada masa konflik.

Dalam ucapannya, Sri Paus Fransiskus menggesa Sinode Uskup Gereja Patriarki Kilikia orang Armenia untuk berdoa bagi keamanan di tengah-tengah konflik itu.

Bapa Suci berkata, “bukan sahaja dalam kata-kata tetapi yang terpenting dalam doa kita, terutamanya bagi semua yang melarikan diri dari Nagorno-Karabakh serta bagi banyak keluarga yang berpindah demi mencari perlindungan.”

“Begitu banyak peperangan dan begitu banyak penderitaan! Perang Dunia Pertama



sepatutnya menjadi yang terakhir. Namun sejak itu, banyak konflik dan pembunuhan beramai-ramai terdapat, yang sentiasa tragis, sia-sia dan membawa penderitaan-sia,” kata Bapa Suci.

“Cukup! Hentikan semua peperangan yang hanya membawa penderitaan. Dan yang terpenting, marilah kita berdoa. Saya berdoa

untuk anda dan untuk Armenia; dan saya meminta anda, tolong doakan untuk saya!” ujar Sri Paus.

Selain seruan agar para Uskup Gereja Katolik Armenia untuk terus mempromosi perdamaian, Sri Paus juga menghimbau para uskup tersebut agar mempromosikan panggilan. — *CNA*

## Bapa Suci kesal rumah ibadat Katolik, Muslim diserang

ROMA: “Jangan lupa orang-orang yang menderita akibat peperangan,” kata Sri Paus Fransiskus pada akhir Audiensi Umum mingguan, khususnya untuk rakyat Ukraine, Palestine dan Israel, juga “di kalangan ramai orang yang dilanda keganasan seluruh dunia.”

Sri Paus juga menyerukan doa untuk mangsa serangan pengganas baru-baru ini di Burkina Faso.

Pada Februari 25 lalu, lima orang umat terbunuh dalam serangan ke atas sebuah Gereja di bahagian Utara negara itu, manakala serangan kedua terhadap sebuah masjid di bahagian Timur negara itu, menyebabkan “berpuluh-puluh” orang mati.

Dalam telegram yang dihantar pada Februari 26, Sri Paus menyatakan “rasa sedih yang mendalam” yang dirasakannya setelah mendengar serangan itu dan memberi jami-



Umat Katolik di Haiti sedang berdoa Jalan Salib di tengah-tengah konflik.

nan kepada komuniti Katolik dan Muslim akan doa serta kedekatannya bagi mereka yang sedang berduka.

Prelatus itu berdoa untuk yang terbunuh dalam serangan dan penyembuhan bagi mereka yang cedera.

“Kebencian bukanlah penyelesaian untuk konflik,” kata Sri Paus Fransiskus dan menyeru agar tempat-tempat ibadat adalah tempat suci dan harus dihormati.

Bapa Suci menggesa semua umat agar berjuang menentang keganasan dengan lebih

mempromosi nilai-nilai keamanan.

Uskup Roma itu juga menyeru untuk berdoa bagi rakyat Haiti, “di mana jenayah dan penculikan oleh kumpulan bersenjata masih berterusan.”

Menurut laporan PBB, lebih daripada 1000 orang telah terbunuh, cedera atau diculik di Haiti sejak Januari menjadikan negara Caribbean itu “tempat berdarah” dalam masa hampir dua tahun.

Beberapa minggu lalu, enam orang biarawati dan seorang paderi telah diculik di ibu kota Haiti, Port-au-Prince. Pada bulan Januari, enam orang biarawati yang telah diculik itu kemudiannya dibebaskan.

Peningkatan keganasan itu dikaitkan dengan keputusan Perdana Menteri Ariel Henry untuk kekal berkuasa walaupun perjanjian awal untuk mengadakan pilihan raya pada Februari 2024. — *media Vatikan*

DOA ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Adakah mata kita sentiasa tertuju pada Yesus?

ROMA: “Mari kita membuka diri kita kepada terang Yesus dan jangan sekali-kali kita mengasingkan diri daripada terang-Nya!” Demikian ajakan Sri Paus Fransiskus kepada umat beriman pada Februari 25 lalu semasa doa Angelus.

Dalam renungannya sempena Hari Minggu Pra-Paskah kedua, Sri Paus mengenang kembali bacaan Injil hari itu yang dipetik dari Injil Sto Markus, tentang Transfigurasi.

Selepas mengumumkan kepada murid-murid-Nya mengenai Kesengsaraan yang bakal ditempuhi-Nya, Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes, mendaki gunung yang tinggi dan di sana, Dia secara fizikal menyatakan diri-Nya dalam segala kemuliaan-Nya.

Dari “terang” ini, para murid terpaku atau tidak dapat mengalihkan pandangan mereka,” terutama pada saat-saat getir yang semakin hampir pada hari Sengsara.

Injil ini membawa pesan kuat kepada kita iaitu “Jangan sekali-kali mengalihkan mata anda daripada cahaya Yesus!”

Sri Paus membandingkan perbuatan ini dengan apa yang biasa dilakukan oleh petani pada masa lalu ketika membajak ladang, menumpukan pandangan mereka pada titik tertentu di hadapan mereka, menjaga mata mereka tetap pada matlamat, untuk mengesan alur lurus.

“Inilah yang kita, orang Kristian di-

panggil untuk melakukan dalam perjalanan hidup, iaitu sentiasa fokus di hadapan mata kita, wajah Kristus yang bercahaya. Dia adalah Kasih dan Kehidupan yang tidak berkesudahan yang mengiringi dalam segala hal dalam kehidupan kita,” ujar Sri Paus.

Untuk membantu kita melakukan ini, Sri Paus menggalakkan agar umat tetap dalam berdoa, mendengar Firman dan merayakan Sakramen-sakramen.

Sri Paus seterusnya menawarkan “resolusi Pra-Paskah” kepada umat beriman, iaitu membuka mata iman mereka, menjadi “pencari terang atau cahaya Yesus” dalam doa dan dalam tindakan seharian.”

Bapa Suci juga menggesa umat beriman untuk menyertainya dalam renungan peribadi dan bertanya kepada diri sendiri beberapa soalan penting berikut: *Dalam perjalanan iman saya, adakah saya memusatkan pandangan saya kepada Kristus yang menemani saya? Dan adakah saya meluangkan waktu untuk hening, berdoa dan Adorasi?”*

Sri Paus juga menggalakkan umat untuk selalu memeriksa batin: *“Adakah saya mencari setiap sinar kecil cahaya Yesus, yang terpantul dalam diri saya dan dalam setiap saudara dan saudari yang saya temui? Dan adakah saya ingat untuk berterima kasih kepada Tuhan untuk ini?”*

Bapa Suci mengakhiri doa Angelus



Sri Paus Fransiskus mengajak umat pada Pra-Paskah ini untuk menjadi “pencari terang Yesus”.

dengan berdoa kepada Bunda Maria “yang sentiasa dalam terang Tuhan,” agar mendoakan kita “untuk selalu menjaga pandangan kita kepada Yesus dan untuk memandang sesama dengan kepercayaan dan kasih sayang.” — *media Vatikan*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Kita perlu kepimpinan kenabian

Walaupun berita mengerikan yang diterbitkan dari Tanah Suci dalam beberapa bulan kebelakangan ini, dan kini kematian penentang Rusia, Alexei Navalny, telah menenggelamkan laporan perang dari Ukraine, kita harus mengingati, perang Ukraine dan Rusia masih jauh dari reda.

Kita tidak pernah berhenti memberi suara kepada saksi, sentiasa berdiri dengan mereka yang tidak menyerah kepada logik kebencian, menyokong serta terus berdoa dan demi meringankan penderitaan penduduk yang dihujani bom dan peluru selama dua puluh empat bulan ini!

Kita juga tidak sekadar menyatakan sokongan tetapi mendengar serta melakukan sedaya upaya dengan membiarkan para mangsa bercakap untuk diri mereka sendiri, kerana inilah realiti nyata tentang apa yang berlaku, yang sering diabaikan malah tidak diperhatikan.

Puluhan ribu lelaki, wanita, warga tua, kanak-kanak telah terkorban kerana penaklukan ganas di Ukraine. Seluruh bandar Ukraine telah dihancurkan, berjuta-juta orang terpaksa berpindah, menghadapi pelbagai kesukaran di kem-kem pelarian dan terpaksa tinggal di luar negara yang asing bagi mereka.

Beribu-ribu lombong, ladang, kawasan perindustrian yang memberikan mata pencarian juga telah terjejas sekaligus memusnahkan kehidupan masa depan penduduk yang tidak bersalah ...

Apa lagi yang perlu dilakukan untuk menghentikan pencerobohan ini? Apa lagi yang dapat kita lakukan agar para pemimpin yang bertelingkah dapat duduk bersama merundingkan keamanan yang adil?

Rayuan Sri Paus Fransiskus tidak terkira banyaknya untuk menarik perhatian dunia terhadap “Ukraine yang menderita” tetapi ini hanya dibiarkan begitu sahaja.

Peperangan dan keganasan nampaknya telah menjadi cara untuk menyelesaikan pertikaian. Perlumbaan senjata dengan tujuan untuk peperangan masa depan kini dibenarkan dan juga diterima sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Wang yang ada tidak digunakan untuk membina tadika dan sekolah, tidak ada peruntukan bagi membiayai penjagaan kesihatan yang berkesan, tidak digunakan untuk melawan kelaparan atau untuk memupuk peralihan ekologi dengan menjaga pemeliharaan planet kita, sebaliknya menggunakan wang bagi hal-hal berkaitan persenjataan.

Diplomasi kelihatan bisu di hadapan siren yang berperang. Kata-kata seperti perdamaian, rundingan, gencatan senjata, dialog — dipandang dengan syak wasangka.

Pada masa ini, tidak ada yang lebih penting selain tidak tunduk kepada logik perang para penguasa zalim. Sangat perlu untuk terus berdoa bagi kedamaian, sebagaimana Sri Paus Fransiskus yang tanpa jemu menyeru dan berdoa.

Semoga muncul pemimpin baharu bersifat nabi, kreatif, berani, sentiasa berpihak kepada keamanan — untuk mengambil alih masa depan umat manusia! — *Andrea Tornielli, media Vatikan*

### KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

## Menghayati kata-kata hikmat Sto Fransiskus dari Assisi

Kita semua menghadapi cabaran harian dalam kehidupan kita — sama ada dari segi perubatan, rohani, kewangan ... Ada yang terpaksa menghadapi kengerian peperangan, yang lain mengalami penderaan atau sikap acuh tak acuh dan ada yang terluka akibat perbuatan diri sendiri.

Tiada seorang pun daripada kita dapat lari dari penderitaan.

Dan walaupun keadaan berjalan dengan baik, ada saatnya kita tiba-tiba menyedari bahawa kita terlalu lalai akibat

perangkap dengan perkara duniawi dan perlu “menetapkan semula” fikiran dan hati kita.

Lebih-lebih lagi pada masa Pra-Paskah ini, kita memerlukan seorang rakan rohani yang dapat membantu kita mengarahkan jiwa kita kembali ke arah yang indah dan suci.

‘Rakan’ itu adalah Sto Fransiskus dari Assisi (1181-1226) yang terkenal dengan hidup kemiskinannya tetapi sangat kaya dengan kasih sayang terhadap semua, terhadap ciptaan lebih-lebih

lagi terhadap “Tuhan yang Mahakuasa, Bapa, Putera dan Roh Kudus.”

Santo itu membantu memperbaharui Gereja pada zamannya. Semoga kata-kata dan doa yang dikarang oleh pujangga Gereja itu, dapat membantu menyegarkan jiwa anda, membawa penyembuhan serta harapan.

● *Kita tidak boleh bijak menurut daging saja. Sebaliknya, kita harus menjadi sederhana, rendah hati dan murni.*

● *Tidak ada yang boleh disebut musuh, semua adalah kawanmu dan tidak ada yang membahayakanmu. Kamu tidak memiliki musuh kecuali dirimu sendiri.*

● *Di mana ada luka biarkan aku menabur maaf.*

● *Kita seharusnya tidak boleh mengharap pelayanan dari orang lain. Seharusnya, kita menjadi pelayan yang tunduk kepada sesama demi Tuhan.*

● *Tuhan, biarlah aku tidak terlalu berusaha untuk dicintai namun biarlah aku berusaha untuk mencintai.*

● *Dengan mengampuni kita juga diampuni.*

● *Jika Tuhan dapat bekerja melalui saya, maka Dia juga dapat bekerja melalui siapapun.*

● *Di mana ada amal dan hikmat, maka tidak akan ada rasa takut atau ketidak-tahuan.*

● *Tuhan, jadikan aku alat kedamaian bagi-Mu. Di mana ada kebencian, biarkan aku menabur cinta. — Aleteia*



Dengan mengampuni kita juga diampuni - Sto Fransiskus dari Assisi

## Aku akan menjadi Tuhan-Mu

PULAU PINANG: Hampir 300 katekumen bakal dibaptis pada malam Paskah tahun ini di Keuskupan Pulau Pinang setelah nama mereka dicatatkan dalam Buku Para Pilihan.

Upacara Pemilihan di keuskupan ini diadakan pada Feb 17 dan 18 di Gereja Assumption di Pulau Pinang dan Gereja *Our Mother of Perpetual Help*, Ipoh.

Di Pulau Pinang, dicatatkan 148 katekumen dari 14 Gereja manakala di Ipoh, 81 katekumen dari sembilan paroki melangkah ke peringkat akhir perjalanan mereka untuk dibaptis sebagai anak-anak Tuhan.

Kehadiran ramai paderi yang mewakili setiap paroki bersama Kardinal Sebastian Francis, Uskup Keuskupan Pulau Pinang, menjadikan ritus Pilihan ini sangat bermakna.

Ritus Pilihan yang diadakan di dua paroki itu berjalan dengan lancar serta memperlihatkan semangat para katekumen yang sedia untuk dibaptis.

229 katekumen, yang kini dipanggil Umat Pilihan Kristus, adalah antara ribuan yang dipilih serta dipanggil untuk mula berjalan menuju Misteri Suci Paskah tahun ini.

Sekarang para katekumen disebut "para



Pilihan" atau "*Illuminandi*" (mereka yang akan diterangi).

Selanjutnya, mereka akan menjalankan persiapan akhir yang intensif seperti pen-

genalan diri dan pertaubatan, upacara penyerahan Kredo dan Doa Bapa Kami. Periode ini diakhiri dengan perayaan Sakramen sakramen Inisiasi pada malam Paskah.

# 547 bakal dibaptis di Keuskupan Agung Kuala Lumpur

KAJANG: Tidak seperti kebanyakan keuskupan lain di Malaysia yang merayakan Ritus Pemilihan pada hari Minggu pertama Pra-Paskah, Keuskupan Agung Kuala Lumpur, mengadakannya pada Februari 25 iaitu Hari Minggu Pra-Paskah kedua.

Pada hari itu, dengan rasa teruja, sukacita dan gementar, 547 katekumen berkumpul di Gereja Holy Family, untuk Ritus Pemilihan, bersama dengan penanggung, para katekis pembimbing dan paderi paroki.

Mereka datang dari pelbagai paroki naungan Keuskupan Agung Kuala Lumpur, termasuk Pantai Timur.

Ritus Pemilihan dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow yang gembira melihat kehadiran para katekumen.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian bercakap tentang kesetiaan Abraham yang sanggup mengorbankan anak tunggalnya, Ishak. Pada akhirnya, Tuhan senang den-



Para Pilihan bersama penanggung mereka.

gan ketaatan Abraham dan melimpahkan berkat kepadanya.

Uskup Agung juga menekankan ketaatan Yesus di mana semasa Dia dimuliakan di atas gunung, kedengaran suara Bapa yang mengatakan, "Inilah Anak-Ku, Yang Dikasihi. Dengarkanlah Dia". Ini

adalah pengesahan kesetiaan Yesus kepada misi-Nya — untuk mengorbankan diri-Nya bagi dosa-dosa manusia. Namun, kematian Yesus tidak akan sia-sia. Dia akan bangkit daripada kematian.

Menurut Uskup Agung, pembacaan pertama dan Injil pada hari Minggu itu ber-

mula dengan rasa tidak pasti tetapi berakhir dengan pesan harapan.

Melalui Abraham, sebuah bangsa dilahirkan. Melalui Yesus yang adalah keturunan Abraham menawarkan keselamatan untuk semua manusia.

Kepada para Pilihan, Uskup Agung mengingatkan mereka bahawa pengorbanan yang mereka lakukan dengan tulus dan komitmen mereka untuk kekal setia kepada Tuhan, tidak akan pernah sia-sia.

Prelatus itu menambah, "Dalam Ritus Pemilihan, Tuhan secara peribadi telah memilih dan memanggil anda untuk menjadi sebahagian daripada umat pilihan-Nya. Ini adalah sesuatu yang sangat indah dan sewajarnya diraikan."

Selain calon baptis, 44 umat pilihan dari Gereja denominasi bakal menjalani Upacara Penerimaan secara rasmi ke Gereja Katolik dan 192 lagi memohon hantanya Sakramen Penguatan.

## Tiga berkat istimewa untuk katekumen



Uskup Melaka Johor mengingatkan para calon baptis akan tiga karunia istimewa untuk mereka.

PLENTONG: Keuskupan Melaka Johor baru-baru ini telah menganjurkan rekoleksi bagi calon Pilihan pada Februari 17, di Pusat Majodi, Plentong.

Sebelum ritus Pemilihan pada keesokan harinya, para calon katekumen terlebih dahulu menyertai rekoleksi bagi membantu mereka membuat persiapan menjadi anggota Gereja Katolik. Ini merupakan rekoleksi pertama kali secara fizikal selepas pandemik.

Rekoleksi tersebut dijalankan dalam empat bahasa di mana calon Pilihan mengikut bahasa pilihan masing-masing yang dikendalikan oleh tiga orang paderi dan dua dia-kon.

Acara itu turut disertai oleh penanggung, fasilitator dan ahli keluarga dari Melaka,

Vikariat Johor Utara dan Selatan.

Kemuncak acara ialah Upacara Pemilihan yang diadakan pada Februari 18, di Gereja *Immaculate Conception*, Johor Bahru yang menyaksikan 240 katekumen mengakui iman mereka untuk mengikuti Kristus.

Para calon baptis ini datangnya dari Melak, 65 katekumen, 17 katekumen dari Johor Utara dan Johor Selatan mempunyai 158 calon baptis.

Uskup Bernard Paul dalam homilinya, menekankan kepentingan tiga karunia yang diperolehi oleh para calon baptis dalam perjalanan iman mereka iaitu: Anak-Nya di Kayu Salib, Alkitab dan Ekaristi. Hayati dan renungilah betapa indahnya karunia-karunia ini khususnya sepanjang persiapan peribadi anda."

## Keuskupan Agung KK terima 941 calon baptis

KOTA KINABALU: 941 Katekumen telah dicatat dalam Buku Para Pilihan semasa Ritus Pemilihan di Katedral Sacred Heart, pada Februari 18 lalu.

Ritus yang diadakan pada hari Minggu pertama Pra-Paskah menyaksikan kesaksian para penjamin dan katekis, serta pengesanan para katekumen akan niat mereka untuk masuk ke dalam Gereja Katolik.

Di hadapan Uskup Agung, 941 nama calon baptis itu dicatat dalam Buku Para Pilihan di katedral sebagai tanda ikrar setia.

Ritus Pemilihan itu dipimpin oleh Uskup Agung John Wong yang menyeru para Pilihan untuk merenung siapa Yesus dan adakah mereka sudah mengenal Dia?

"Saya pasti anda sudah mempelajari dan mengenal Yesus melalui kelas IKD. Sekarang ini saya ingin bertanya kepada anda: Siapa Yesus dalam hidup anda? Apa pengalaman anda dengan Yesus? Sudahkah anda menerima Dia sebagai Tuhan dan Sang Juruselamat?"

Prelatus itu mendoakan para Pilihan agar



Salah seorang penyelaras Kateketikal paroki menyerahkan Buku Pilihan kepada Uskup Agung John Wong.

dalam persiapan untuk menerima Pembaptisan, mereka akan semakin tekun berdoa, membaca Firman Tuhan dan merayakan Ekaristi.

Katanya, sepanjang tempoh ini, adalah sangat baik untuk terus meminta bimbingan Roh Kudus. — *Christina George*